

29/09/2000

JKR pastikan belanjawan diguna

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Kerja Raya akan memastikan semua peruntukan bagi projek pembangunan di bawah Belanjawan 2000 untuk kementeriannya habis digunakan sebelum akhir tahun, selaras dengan arahan Kabinet, baru-baru ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kelewatan menggunakan peruntukan itu disebabkan pelbagai faktor sampingan.

"Sehubungan itu, saya sudah arahkan kakitangan kementerian menyediakan carta kemajuan projek dan laporan dua minggu sekali mengenai perkembangan serta masalah dalam semua projek di bawah penyelaras Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Antara lain, masalah utama yang dihadapi ialah pengambilan tanah untuk projek tertentu kerana isu bayaran pampasan kepada pemiliknya sukar diselesaikan dalam masa yang singkat.

"Kita juga mengalami masalah dengan kontraktor yang gagal melaksanakan tugas mengikut jadual kerja selain kelewatan Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur beberapa kementerian yang belum membelanjakan peruntukan tahunan masing-masing walaupun sudah memasuki suku terakhir tahun 2000.

Beliau dilaporkan berkata, tindakan itu hanya merugikan rakyat dan kerajaan kerana kelewatan menyiapkan sesuatu projek mampu membantutkan perkembangan ekonomi negara, sekali gus menjejaskan peningkatan taraf sosio ekonomi masyarakat.

Samy Vellu berkata, perbincangan sudah diadakan dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan beliau bersetuju mempercepatkan semua kelulusan bagi permohonan peruntukan Kementerian Kerja Raya.

Pada masa yang sama, persetujuan Kabinet baru-baru ini yang membenarkan kementerian berkenaan melaksana sendiri projek berharga kurang RM20 juta dengan menggunakan khidmat perunding swasta, dapat mengurangkan beban JKR.

Katanya, beliau sendiri akan mengadakan lawatan ke 30 tapak projek setiap bulan dan yakin sehingga 80 peratus daripada peruntukan bagi kementeriannya dapat dihabiskan sebelum akhir tahun.

Setakat ini, Kementerian Kerja Raya sudah membelanjakan RM1.3 bilion dan masih mempunyai baki RM2 bilion yang belum digunakan lagi.

Dalam perkembangan lain, mengenai isu Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut (Pularek) Tanjung Pengelih di Johor, Samy Vellu berkata, beliau akan menemui semua kontraktor terbabit dalam tempoh 10 hari lagi.

Isu Pularek mendapat perhatian media April tahun lalu apabila projek bernilai RM195 juta membabitkan keluasan 74.5 hektar, mengalami kerosakan teruk.

Sehubungan itu, kontraktor yang bertanggungjawab, Syarikat Marimas Sdn Bhd (Marimas) dikenakan tindakan membatalkan lesen pendaftaran serta menyenarai hitam ahli lembaga pengarahnya supaya tidak layak menerima kontrak lain.

Bagaimanapun, kata Samy Vellu, Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu membuat rayuan kepada Perdana Menteri supaya tindakan itu dipertimbangkan semula dan beliau diarah membuat siasatan lanjut.

Beliau akan mengadakan pertemuan dengan wakil Marimas untuk menentukan sama ada meringankan hukuman kepada amaran keras atau sekadar menggantung lesen kontraktor terbabit buat tempoh tertentu sahaja.

(END)